



UPNM HOLDINGS

UPNM HOLDINGS SDN BHD

No. Sykt: 909779 - W

d/a: Bahagian Kepimpinan, Korporat dan Perhubungan Antarabangsa, UPNM, Kem Sg. Besi 57000 Kuala Lumpur, MALAYSIA Tel: +603 - 9051 3400 • Fax: +603 - 9051 3028

**UPNM HOLDINGS SDN. BHD.
UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA
KEM SUNGAI BESI, 57000 KUALA LUMPUR**

Ruj. Kami : UPNMBC 04.06/5 (309)
Tarikh : 8 Februari 2019

PENGUMUMAN

SEBUTHARGA NO : UPNMBC 04.06/5 (309) – SEWAAN RUANG PERNIAGAAN DI BANGUNAN KASTURI UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA, TAWARAN KERJASAMA PERNIAGAAN RUNCIT DAN PEMBEKALAN AIR MINERAL.

Dengan ini kami ingin mempelawa syarikat-syarikat yang mempunyai lesen perniagaan yang berkaitan (ROB/ROC/LesenPenjaja) untuk menawarkan sebutharga bagi perolehan di atas. Sila bawa bersama dokumen sebutharga, sijil-sijil asal yang berkaitan dan salinan sijil-sijil tersebut.

KENYATAAN TAWARAN

1. Sewaan Ruang Perniagaan

Untuk makluman, kadar **sewa bulanan ditetapkan sebanyak RM 1,356.00** sebulan dan perlu bayaran deposit sewaan bagi tiga bulan iaitu sebanyak **RM 4,068.00 dan deposit utiliti sebanyak RM 406.80**. Pihak UPNM Holdings Sdn. Bhd. (UPNMBC) akan membuat bayaran balik deposit tersebut setelah tamat tempoh kontrak. Tawaran adalah dipelawa daripada kalangan warganegara Malaysia yang berminat untuk mengendalikan premis perniagaan runcit bagi tempoh 3 + 1 + 1 tahun dari **Mac 2019 - Februari 2022**.

2. Tawaran Kerjasama Perniagaan Runcit

Pengusaha yang berminat dikehendaki memajukan sebutharga dengan melengkapkan dokumen tawaran serta memajukan kertas cadangan (proposal) mengenai perancangan / pelan perniagaan, pengalaman, kedudukan kewangan, profil syarikat dan lain-lain maklumat / dokumen yang berkaitan dengan perniagaan runcit. Pengusaha juga dikehendaki mengemukakan cadangan (proposal) bagi pembahagian keuntungan di antara pengusaha dengan UPNMBC daripada perniagaan runcit yang akan dijalankan.

3. Pembekalan Air Mineral

Pengusaha yang berminat dikehendaki memajukan sebutharga dengan melengkapkan dokumen tawaran. Pengusaha juga dikehendaki mengemukakan cadangan (proposal) bagi pembahagian keuntungan penjualan air mineral di antara pengusaha dengan UPNMBC.

4. Sebutharga yang lengkap dan dokumen berkaitan dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang bertanda **SEBUTHARGA NO : UPNMBC 04.06/5 (309)** dan dimajukan terus ke alamat tidak lewat daripada jam **12.00 tengahari, 18 Februari 2019 (Isnin)**.

**UPNM Holdings Sdn. Bhd.
Aras Bawah, Bangunan Kasturi
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
Kem Sungai Besi
57000 Kuala Lumpur**

TERMA DAN SYARAT SEWAAN RUANG PERNIAGAAN RUNCIT DAN PEMBEKALAN AIR MINERAL DI DALAM KAMPUS UPNM

1. Pengusaha dibenarkan hanya membawa peralatan yang berkaitan dengan perniagaan runcit ke dalam premis perniagaan.
2. Semua harga perkhidmatan hendaklah dipamerkan di premis.
3. Pengusaha perlu bertanggungjawab terhadap kebersihan premis dan persekitarannya.
4. Pengusaha tidak dibenarkan membuang sisa-sisa sampah di kawasan premis.
5. Pengusaha perlu bertanggungjawab 100% terhadap sebarang kerosakan peralatan dan barangan yang disediakan oleh pihak UPNMBC dalam premis terbabit.
6. Pengusaha perlu bertanggungjawab terhadap aspek keselamatan ruang disewa.
7. Pengusaha perlu bertanggungjawab menjaga harta benda yang terdapat di premis.
8. Sebarang kerosakan terhadap peralatan dan barangan perlu dibuat aduan kepada UPNMBC.
9. Pengusaha hendaklah memberi kebenaran kepada pihak UPNMBC untuk mengadakan pemeriksaan di sekitar premis bagi memastikan tahap kebersihan memuaskan.
10. Pihak UPNMBC berhak mengenakan caj jika aspek kebersihan tidak dipatuhi oleh Pengusaha.
11. Pihak UPNMBC berhak menamatkan kontrak sewaan dengan notis 24 jam jika pihak UPNMBC mendapati Pengusaha tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan.
12. Pengusaha perlu membuat pembayaran kepada Pegawai Akaun UPNMBC mengikut kadar yang telah ditetapkan oleh UPNMBC.
13. Pihak UPNMBC akan mengenakan deposit 3 bulan bagi sewaan ruang dan deposit utiliti.
14. Permohonan pas keselamatan Kem Sungai Besi adalah tanggungjawab Pengusaha.

Dokumen tawaran boleh disemak dan dimuat turun melalui laman web UPNM di alamat www.upnm.edu.my atau boleh didapati di UPNM Holdings Sdn. Bhd., Aras Bawah,

Bangunan Kasturi, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia mulai **tarikh iklan ini dikeluarkan**. Bayaran akan dikenakan sebanyak **RM20.00 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Sahaja)** bagi setiap dokumen semasa penyerahan. Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk Wang Pos/Kiriman Wang/Bank Draf/Cek atas nama **UPNM Holdings Sdn. Bhd.** yang tidak dikembalikan. Dokumen Tawaran dan Sebutharga yang lengkap serta dokumen berkaitan hendaklah dimasukkan kedalam sampul surat berlakri yang bertanda **SEBUTHARGA NO: UPNMBC 04.06/5 (309)** dan dimajukan terus kepada UPNM Holdings Sdn. Bhd. di alamat Aras Bawah, Bangunan Kasturi, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Kem Sungai Besi, 57000 Kuala Lumpur tidak lewat daripada jam **12.00 tengahari, 18 Februari 2019 (Isnin)**.

Keputusan Jawatankuasa sebutharga adalah muktamad dan sebarang bantahan tidak akan dilayan.

Catatan :

Pihak UPNMBC boleh mengeluarkan kenyataan tawaran seperti contoh di atas ataupun terus mendapatkan sebutharga daripada sekurang-kurangnya tiga (3) orang pembekal.

Bagi sebarang pertanyaan dan keterangan lanjut, sila hubungi Cik Nurfaizlia Binti Ahmad Noor talian 03 – 9051 3400 sambungan 7622182.

Sekian, terima kasih.

Yang Benar,



PROF DATO' DR. JESBIL SINGH
Pengarah
UPNM Holdings Sdn. Bhd.